

Newspaper	Berita Harian
Date	5 July 2015

Derma RM3.7j bina masjid di Sepanyol


Putrajaya: Kerajaan berbesar hati menyalurkan sumbangan wang tunai sebanyak RM3.7 juta (AS\$1 juta) bagi tujuan pembangunan dan pembinaan masjid di Seville, Sepanyol.

Sumbangan diserahkan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin kepada Naib Presiden Fudbacion Mezquita de Seville, Ibrahim Hernandez pada Majlis Penyerahan Sumbangan dan Berbuka Puasa di Seri Satria, di sini, semalam.

Sumbangan Aidilfitri

Yang turut hadir, Isteri Timbalan Perdana Menteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Ketua Wanita UMNO, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

Pada majlis sama, Muhyiddin dan isteri turut menyerahkan sumbangan Aidilfitri kepada 85 anak yatim dan asnaf dari Parlimen Kuala Selangor di bawah seliaan Ketua Bahagian UMNO Kuala Selangor, Datuk Ishak Harun.



Muhyiddin menyampaikan sumbangan Kerajaan Malaysia bagi pembinaan masjid di Sevilla kepada Hernandez (dua dari kiri) pada **Majlis Penyerahan Sumbangan dan Berbuka Puasa** di Putrajaya, semalam.

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]